

14 NOV 1996

Aids

KARNIVAL RIBEN MERAH AKAN DIADAKAN DI KEDAH

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Karnival Riben Merah 1996 sempena Hari Aids Sedunia kali ini akan diadakan di Kedah Darul Aman pada 6 Dis ini, kata Presiden, Majlis AIDS Malaysia Puan Marina Mahathir.

Marina yang juga pengerusi Yayasan Aids Malaysia berkata, karnival sehari itu akan dibarisi pelbagai aktiviti yang menarik seperti acara sukan dan hiburan dengan tujuan meningkatkan kesedaran mengenai HIV/Aids.

"Karnival seperti itu menyediakan peluang penting bagi NGO untuk meningkatkan kesedaran umum dan membawa mesej pencegahan kepada masyarakat dan juga menuntut keadilan".

Tahun lepas karnival itu diadakan di Dataran Bandaraya, Johor Bahru.

Tema tahun ini - Satu Dunia, Satu Harapan - telah dikemukakan oleh Program Bersama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Aids (UNAIDS).

Di samping karnival itu, program-program sambutan Hari Aids Sedunia yang berlangsung dari 14 Nov hingga 30 Dis termasuk pameran, forum, pameran bergerak dan kempen kesedaran di seluruh negara.

Karnival itu dianjurkan oleh Yayasan Aids Malaysia, Majlis Aids Malaysia dan Regatta de Blonde (sebuah syarikat penganjur) bersama kerajaan negeri Kedah.

Di persidangan berita itu, satu cek bernilai RM50,000 disampaikan oleh Syed Yusof Tun Syed Nasir dari Jojo Entertainment. Sumbangan itu ialah sebahagian daripada pendapatan daripada konsert Michael Jackson di Stadium Negara baru-baru ini.

Marina juga memberitahu pemberita yang beliau telah dijemput untuk berceramah mengenai wabak Aids di Asia di satu persidangan mengenai Aids di New York pada 2 Dis ini.

Beliau berkata ini merupakan satu penghormatan kerana Malaysia akan mewakili Asia di persidangan itu. -- BERNAMA

SLR PR